TENAGA NASIONAL
Better. Brighter.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | TNB tidak lantik ejen | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 11 Mar 2017 | Language | Malay |
| Circulation | 171,663 | Readership | 563,000 |
| Section | Dlm Negeri | Page No | 31 |
| ArticleSize | 61 cm² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 2,385 | | |
| | | | |



# TNB tidak lantik ejen

**KUALA LUMPUR 10 Mac** - Orang ramai diingatkan supaya tidak terpedaya dengan sindiket yang menyamar sebagai ejen kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk menguruskan pembayaran bil elektrik mereka.

Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Pengguna) Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Kamaliah Abdul Kadir berkata, pihaknya tidak pernah melantik ejen untuk mengutip bayaran bil secara terus daripada pengguna.

Menurutnya, ejen kutipan yang dilantik TNB tidak akan menghubungi atau mendekati pengguna bagi memaklumkan penggunaan bil elektrik, seterusnya mengutip bayaran terus daripada pengguna.

"Sehubungan itu, para pengguna TNB diharap jangan mudah terpengaruh dengan sebarang taktik yang digunakan oleh anggota sindiket.

"Ini kerana kami ada menerima aduan pengguna yang tertipu dengan tawaran diskaun bil sehingga 45 peratus," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Powered by: iSENTIA